18.	Pejabat TYT Yang Di Pertua Negeri	31	16	47
19.	Jabatan Perhutanan Negeri	57	2	59
20.	Jabatan Taman Botani	87	1	88
21.	Jabatan Pendakwaan Syariah	15	4	19
	JUMLAH KESELURUHAN	3,254	367	3,621

- (a) Maklumat bayaran bagi emolumen penjawat awam negeri mengikut pecahan gaji pokok, imbuhan tetap dan elaun serta bonus adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- (b) Semasa penyediaan Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2025 dirangka, anggaran bagi emolumen penjawat awam telah pun mengambil kira kenaikan gaji penjawat awam selaras dengan pelaksanaan Sistem Saraan Penjawat Awam (SSPA). Anggaran peruntukan bagi bayaran emolumen penjawat awam negeri tahun 2025 termasuk gaji dan upahan (OS11000), elaun tetap (OS12000), sumbangan berkanun untuk kakitangan (OS13000), elaun lebih masa (OS14000), faedah-faedah kewangan lain (OS15000) dan bayaran imbuhan tahunan dan bantuan kewangan (OS17000) yang dibajetkan adalah berjumlah RM207,547,367.00. Manakala perbelanjaan sebenar berdasarkan **LAMPIRAN 1** adalah berjumlah RM157,940,230.20 dengan peratus perbelanjaan bagi OS11000 adalah sebanyak 79.32%, OS12000 adalah sebanyak 84.46% dan OS17000 sebanyak 85.44%.

Berdasarkan jadual di **LAMPIRAN 1**, perbelanjaan sebenar emolumen penjawat awam negeri pada tahun ini setakat Oktober 2025 berada dalam kawalan dan masih belum tersasar daripada anggaran peruntukan tahun 2025.

- (c) Pengambilan penjawat awam baharu bagi negeri lantikan tetap dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan bagi mengisi kekosongan jawatan di Jabatan-jabatan. Kelulusan pengambilan penjawat awam baharu, adalah tertakluk kepada kelulusan yang diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dasar Kerajaan terhadap had pengisian jawatan pada masa ini adalah sebanyak 90% daripada keseluruhan perjawatan semasa berdasarkan kepada surat JPA.(S).700 bertarikh 26 Mac 2025. Pengisian jawatan semasa bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Negeri pada waktu ini adalah pada tahap 89.2 % iaitu 3,254 daripada keseluruhan 3,648 perjawatan. Justeru, pengambilan penjawat awam baharu bagi tahun-tahun akan

datang adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam berdasarkan had pengisian yang telah ditetapkan Kerajaan.

Bagi lantikan kontrak (Contract of Service) pula, ianya dikawal dengan menghadkan pewujudan jawatan kontrak seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri (SPKN) Bilangan 2 Tahun 2023 Perkara 4.1.4 yang menyatakan bahawa “bagi mengelakkan lebih peruntukan Objek Am 10000, permohonan emolomen perlu mengambil kira keupayaan pengisian jawatan kosong semasa, termasuk kesesuaian cadangan penempatan baharu. Selain itu, kelulusan perjawatan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUKPP) dan kelulusan peruntukan daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi perkhidmatan sementara/kontrak di bawah Objek Sebagai 29000. Permohonan perkhidmatan adalah bagi melaksanakan sesuatu tugas dalam jangka masa pendek serta penggunaan kepakaran yang tidak boleh diperolehi pada peringkat Jabatan/Agensi.”

JADUAL PERBANDINGAN ANGGARAN PERUNTUKAN EMOLUMEN PENJAWAT AWAM NEGERI TAHUN 2025 DENGAN PERBELANJAAN SEBENAR
(setakat Oktober 2025) (Sumber maklumat berdasarkan laporan buku vot/jabatan di Sistem iSpeks pada 30 Oktober 2025)

JABATAN	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS11000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS11000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS12000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS12000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS17000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS17000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T01 PERUNTUKAN DIRAJA	1,435,000.00	1,149,999.70	80.14	443,000.00	327,050.64	73.83	50,000.00	29,561.15	59.12
PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN	156,682.00	121,092.90	77.29	105,000.00	85,000.00	80.95	-	-	-
PEJABAT KETUA MENTERI DAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN	24,658,352.00	18,052,718.46	73.21	15,783,345.00	12,094,464.04	76.63	2,280,107.00	1,147,721.49	50.34
PEJABAT TANAH DAN GALIAN	8,306,576.00	6,678,658.78	80.40	2,054,040.00	1,653,313.41	80.49	368,380.00	347,689.40	94.38
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, TIMUR LAUT	5,226,300	4,313,021.22	82.53	1,307,760	1,074,668.64	82.18	222,600	214,189.69	96.22
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH BARAT DAYA	4,889,970	3,928,461.26	80.34	1,184,240	980,192.93	82.77	226,530	199,877.48	88.23
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI UTARA	6,426,960	5,189,797.77	80.75	1,399,740	1,131,739.02	80.85	272,530	262,632.28	96.37
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI TENGAH	5,821,946	4,808,789.69	82.60	1,324,665	1,119,604.52	84.52	247,790	244,562.22	98.70
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SEBERANG PERAI SELATAN	5,052,370	4,103,066.56	81.21	1,154,080	939,507.83	81.41	214,860	204,768.36	95.30
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	15,142,345.00	12,048,375.89	79.57	1,267,090.00	3,255,555.83	256.93	219,615.00	615,054.76	280.06
JABATAN PERHUTANAN	2,168,940.00	1,706,349.26	78.67	601,660.00	458,871.60	76.27	94,180.00	81,397.79	86.43
JABATAN TAMAN BOTANI	2,941,400	2,326,320.89	79.09	887,025.00	668,404.29	75.35	130,555.00	118,933.54	91.10

JABATAN	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS11000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS11000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS12000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS12000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	PERUNTUKAN TAHUN 2025 OS17000 (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR SETAKAT OKTOBER 2025 OS17000 (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
B12 JABATAN KERJA RAYA	25,766,184.00	21,008,981.71	81.54	6,489,958.00	5,245,863.87	80.83	1,116,932.00	1,039,093.55	93.03
B13 JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM	12,468,580.00	10,083,229.66	80.87	2,873,820.00	2,346,832.97	81.66	527,792.00	503,307.75	95.36
B14 JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	1,394,281	1,132,766.43	81.24	344,400.00	274,347.80	79.66	60,322.00	55,860.81	92.60
B15 JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	3,067,355.00	2,421,882.85	78.96	704,700.00	532,975.84	75.63	134,370.00	123,995.45	92.28
B16 JABATAN KEWANGAN NEGERI	3,459,641	2,826,705.45	81.71	765,480.00	627,733.03	82.01	147,785.00	142,819.72	96.64
B17 JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	4,540,070.00	3,668,521.01	80.80	1,196,820.00	966,829.14	80.78	197,910.00	195,507.90	98.79
B18 JABATAN PERTANIAN	5,986,752.00	4,803,082.07	80.23	1,412,520.00	1,146,619.82	81.18	255,170.00	241,855.04	94.78
B19 JABATAN MUFTI	1,732,732.00	1,305,850.37	75.36	352,340.00	305,640.00	86.75	81,217.00	68,756.91	84.66
B20 JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH	4,358,208.00	3,338,366.12	76.60	913,260.00	726,362.03	79.54	185,238.00	169,832.00	91.68
B21 JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH	976,150	772,348.41	79.12	186,180.00	145,720.00	78.27	40,673.00	37,129.20	91.29
JUMLAH	145,976,774.00	115,788,386.46	79.32	42,751,123.00	36,107,297.25	84.46	7,074,556.00	6,044,546.49	85.44
JUMLAH KESELURUHAN PERBELANJAAN (RM) (OS11000, OS12000 DAN OS17000)	157,940,230.20								

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

8. Huraikan perbelanjaan mengurus bagi Perkhidmatan dan Bekalan.
- (a) Nyatakan perbelanjaan sebenar bagi Perkhidmatan dan Bekalan bagi tahun 2023 dan 2024.
 - (b) Sejauh mana anggaran perbelanjaan sejumlah RM193,925,552 telah dibelanjakan.
 - (c) Apakah implikasinya sekiranya pengurangan perbelanjaan mengurus bagi Perkhidmatan dan Bekalan diteruskan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. (a) Berdasarkan Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang, perbelanjaan sebenar Kerajaan Negeri melibatkan Perkhidmatan dan Bekalan [Objek Am (OA) 20000] bagi tahun 2023 dan 2024, adalah masing-masing berjumlah RM195,864,599.49 dan RM181,207,899.86.
- (b) Sehingga 12 November 2025 (jam 7.08 pagi), sejumlah RM143,520,576.86 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri, berbanding anggaran perbelanjaan OA 20000 Tahun 2025 sebanyak RM193,925,552.00.
- (c) Sekiranya Kerajaan Negeri perlu meneruskan pengurangan Perbelanjaan Mengurus melibatkan Perkhidmatan dan Bekalan (OA 20000), Kerajaan Negeri akan mengutamakan Perbelanjaan Berkanun seperti bayaran Perhubungan dan Utiliti (OS 23000), Sewaan (OS 24000), Penyelenggaraan

dan Perkhidmatan Berkontrak (OS 28000 dan OS 29000) dan Bayaran Emolumen serta tuntutan berkaitan bagi kakitangan kontrak (OS 29000) berbanding Perbelanjaan Tidak Berkanun seperti Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup (OS 21000) dan Bekalan (OS 26000 dan OS 27000) yang akan dikuatkuasakan secara kawalan dalaman pada peringkat jabatan. Oleh itu, Kerajaan Negeri masih berupaya meneruskan perkhidmatan seperti sedia ada, tanpa menjejaskan kepentingan rakyat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

9. Huraikan bidang kuasa dan agensi di bawah MMK Pembangunan Sosial.
- (a) Jelaskan peruntukan yang disalurkan kepada agensi-agensi bawah MMK Pembangunan Sosial.
 - (b) Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan bagi Program i-Sejahtera.
 - (c) Apakah kategori dalam Program i-Sejahtera boleh dikaji semula atau berlaku pertindihan bayaran daripada Kerajaan Persekutuan?

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

9. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pembangunan Sosial di Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab merangka dasar, menyelaraskan agensi dan memantau program bagi memastikan kesejahteraan sosial serta pembangunan komuniti. Tumpuan khusus diberikan kepada keperluan dan hak kumpulan sasar dari aspek PEMBANGUNAN wanita, keluarga, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), dan warga emas.

MMK Pembangunan Sosial juga menggubal serta menyemak dasar sosial negeri supaya selari dengan dasar persekutuan serta menyelaraskan agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program dan inisiatif sosial di dalam negeri. Antara agensi utama di bawah MMK

Pembangunan Sosial adalah *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

- (a) Peruntukan di bawah MMK Pembangunan Sosial bertujuan untuk menggerakkan agenda pembangunan sosial di Negeri Pulau Pinang. Antara agensi yang menerima peruntukan di bawah MMK Pembangunan Sosial ialah PWDC dan *Women's Centre for Change* (WCC). Melalui peruntukan tersebut, Taska D'Komtar 1.0 telah menerima sebanyak RM75,818.56, manakala Taska D'Komtar 2.0 pula diperuntukkan sebanyak RM79,710.12. Pusat Jagaan Kanak-Kanak Daerah Timur Laut (PJKK DTL) menerima peruntukan sebanyak RM60,000.00, sementara Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) memperoleh peruntukan berjumlah RM210,000.00. Peruntukan yang disalurkan ini adalah untuk tempoh setahun meliputi kos operasi dan perbelanjaan lain bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan program-program yang dijalankan.
- (b) Jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan bagi Program i-Sejahtera sejak tahun 2010 sehingga Oktober 2025 adalah sebanyak RM570,246,340.00.
- (c) Program Suri Emas di bawah i-Sejahtera Pulau Pinang diwujudkan sebagai penghargaan kepada para suri rumah yang bukan sahaja mengurus keluarga, tetapi turut menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Namun demikian, wujud potensi pertindihan dengan program i-Suri KWSP di peringkat Persekutuan yang turut menawarkan bantuan kewangan dan sokongan kepada golongan sama. Bagi memastikan setiap penerima mendapat manfaat secara adil serta mengekalkan keberkesanan program i-Sejahtera untuk jangka panjang, Kerajaan Negeri telah meneliti perkara ini melalui sesi libat urus bersama Ahli Parlimen, ADUN dan PPK dalam Bengkel Cadangan Bayaran i-Sejahtera pada awal tahun 2025. Hasil perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan untuk mengekalkan semua bayaran program i-Sejahtera. Kerajaan Negeri sentiasa mendengar pandangan rakyat bagi memastikan kesejahteraan masyarakat terus terjamin.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

10. Huraikan kos pelaburan tahunan PBA dalam pengurusan air negeri sejak tahun 2022.
- (a) Huraikan kos pelaksanaan Pakej 12A dan nyatakan jumlah pengeluaran air terawat (JLH) semasa.
 - (b) Jelaskan projek pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi.
 - (c) Apakah status loji rawatan air Empangan Mengkuang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kos pelaburan tahunan Perbadanan Bekalan Air (PBA) dalam pengurusan air negeri sejak tahun 2022 terbahagi kepada kos perbelanjaan operasi (OPEX) dan kos perbelanjaan modal (CAPEX). Perincian kos dan kegunaan adalah seperti berikut:

	2022 (RM juta)	2023 (RM juta)	2024 (RM juta)
OPEX	338.3	372.2	402.6
CAPEX	41.3	106.1	137.0
Jumlah	379.6	478.3	539.6

Perbelanjaan operasi utama meliputi kos pembaikan dan penyelenggaraan, kos tenaga elektrik, kos bahan kimia, kos emolumen, serta kos pentadbiran yang diperlukan bagi memastikan kelancaran operasi harian sistem bekalan air.

Manakala perbelanjaan modal pula memberi tumpuan kepada usaha menaik taraf serta membangunkan infrastruktur baharu termasuk penggantian paip lama, peningkatan kapasiti loji rawatan air, pengurangan kadar Air Tidak Terhasil (NRW), pembelian tanah, pemasangan meter dan lain-lain inisiatif yang menyokong peningkatan kecekapan sistem bekalan air negeri.

- (a) Projek Pakej 12A telah dilaksanakan dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM32 juta melalui pelaburan oleh PBAPP di bawah Pelan Kontigensi Air 2030. Jumlah pengeluaran air terawat telah meningkat sebanyak 114 juta liter sehari (JLH) iaitu daripada 1,612 JLH kepada 1,726 JLH.
- (b) Projek pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi merupakan sebahagian daripada perancangan strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PBAPP untuk melaksanakan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Mengkuang Park berkapasiti 114 JLH yang terletak berhampiran Empangan Mengkuang di bawah Pelan Kontigensi Air 2030 (WCP 2030).

Seiring dengan pelaksanaan pelan ini, kefungsiannya Empangan Mengkuang telah diubah daripada empangan rizab kemarau strategik kepada empangan harian bagi membolehkan sumber air mentah digunakan secara lebih optimum bagi keperluan harian pengguna.

Rumah Pam Lahar Yooi dibangunkan bagi menyediakan sumber air mentah tambahan daripada Sungai Muda untuk mengisi semula Empangan Mengkuang, sekaligus memastikan kebolehooperasian berterusan LRA

Mengkuang Park dan Empangan Mengkuang dalam memenuhi keperluan bekalan air terawat di negeri ini.

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Ekonomi telah meluluskan permohonan tambahan skop bagi pembinaan Rumah Pam Lahar Yooi dan pemasangan Paip Dwi-Fungsi pada 17 September 2025. Projek fizikal ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2027 dan dijangka siap pada tahun 2029. Pembiayaan projek berkenaan akan dilaksanakan menggunakan baki peruntukan di bawah Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (EMD).

- (c) Status loji rawatan air Empangan Mengkuang (LRA Mengkuang Park) sehingga 30 September 2025 telah mencapai kemajuan fizikal sebanyak 5.42% berbanding 4.74% yang dijadualkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

11. Huraikan status Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Perincikan skop kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.
 - (b) Sejauh manakah RM50 juta yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri telah digunakan?
 - (c) Huraikan kesalinghubungan antara stesen LRT dengan LTAPP.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Status semasa projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa mengikut pakej kerja adalah seperti berikut:
- (i) Pakej Kerja 1 iaitu pembinaan bangunan sokongan dengan *progress* terkini sebanyak 78%;
 - (ii) Pakej Kerja 2 iaitu kerja-kerja pelebaran apron parkir pesawat dan *taxiway* dengan *progress* terkini adalah sebanyak 30%; dan
 - (iii) Pakej Kerja 3 merangkumi pembesaran terminal utama Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan infrastruktur dalaman dimana ianya masih dalam fasa rekabentuk (*Design Stage*).

- (a) Terdapat dua (2) skop kerja yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri iaitu:
- (i) Pembinaan jalan baharu iaitu jalan masuk dan keluar yang menghubungkan pintu masuk utama LTAPP dengan Jalan Sultan Azlan Shah (JSAS) bagi mempertingkatkan akses dan kelancaran trafik ke kawasan lapangan terbang. Kerja-kerja ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan anggaran kos sebanyak RM10 juta; dan
 - (ii) Kerja-kerja pembinaan sistem saliran utama (main stormwater drainage) bermula dari kawasan sekitar LTAPP sehingga ke Sungai Kluang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dengan anggaran kos sebanyak RM40 juta.
- (b) Setakat bulan Oktober 2025, peruntukan sebanyak RM2,120,000.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja pembinaan sistem saliran utama (main stormwater drainage) manakala peruntukan sebanyak RM300,000.00 telah diluluskan untuk kerja-kerja pembinaan jalan masuk dan keluar (access road) ke kawasan LTAPP.
- (c) Lokasi Stesen LRT di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) terletak kira-kira 100 meter dari bangunan terminal baharu PIA.

Sebuah jambatan pejalan kaki (pedestrian link bridge) akan dibina menghubungkan stesen ini dengan bangunan Terminal PIA dan juga bangunan tempat letak kereta bertingkat (MSPR) PIA bagi memudahkan pergerakan penumpang antara stesen LRT, terminal lapangan terbang dan kawasan parkir.

Kesalinghubungan ini direkabentuk bagi memastikan aliran pergerakan pengguna yang lancar, selamat dan mesra pejalan kaki di antara sistem pengangkutan awam dan terminal lapangan terbang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

12. Huraikan kemajuan Projek Pintasan Ayer Hitam ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu (Pakej 2).
- (a) Jelaskan kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan baki kos yang perlu ditanggung.
 - (b) Siapakah yang akan menyelenggara Jalan Pintasan ini setelah siap dibina?
 - (c) Unjuran kos penyelenggaraan tahunan Jalan Pintasan ini.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Sehingga Oktober 2025, kemajuan projek telah mencapai 88% berbanding jadual asal 88% dengan tiada kelewatan direkodkan.
- (a) Projek ini menggunakan kontrak *Design and Build* (D&B) yang diubah suai mengikut kaedah pelaksanaan projek. Kaedah pembayaran kemajuan kerja bukannya secara tunai, sebaliknya mengguna pakai kaedah *in kind* iaitu melalui pemindahan tanah (*alienation of Exchanged Land*) secara berperingkat, berdasarkan kemajuan kerja.

Harga kontrak semasa adalah berjumlah RM851,976,745.00. Sehingga Mei 2025, jumlah bayaran

yang diperakukan adalah sebanyak RM555,409,300.00. bersamaan 65% dengan keluasan tanah yang telah diserahkan kepada pihak kontraktor 11.6183 ekar. Merujuk kepada harga kontrak semasa, baki kos yang belum dijelaskan adalah bernilai sebanyak RM296,567,445.00.

- (b) Projek ini akan diserahkan kepada JKR untuk diselenggara selepas tamat tempoh *Defect Liability Period* (DLP) selama dua (2) tahun daripada tarikh *Certificate of Practical Completion* (CPC) dikeluarkan.

Beberapa siri rundingan dan perbincangan bersama antara Kerajaan Negeri bersama Pengurusan Aset (Jalan), Cawangan Senggara Fasiliti Jalan, Ibu Pejabat JKR Malaysia dan JKR Pulau Pinang telahpun dimulakan.

Unjuran kos penyelenggaraan tahunan Jalan Pintasan ini dianggarkan sebanyak RM 950,000.00 setahun merangkumi komponen utama projek iaitu laluan jalan utama, *viaduct*, *retaining earth wall*, *ramp*, simpang *Left-In Left-Out*, *U-Turn*, *On-Site Detention (OSD) System* & pemantauan cerun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

13. Huraikan cadangan Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua.
- (a) Perincikan cadangan penaiktarafan Jalan-jalan Negeri terlibat.
 - (b) Jelaskan kos penaiktarafan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri.
 - (c) Apakah pelan kontingensi pengurusan trafik ketika pelaksanaan projek?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

- (i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km;
- (ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;
- (iii) Membina baharu satu (1) plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu (1) plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu (1) plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (iv) Meroboh dan membina semula dua (2) buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua (2) jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (v) Kerja geoteknik;
- (vi) Perabot jalan;
- (vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;
- (viii) Pengalihan utiliti; dan
- (ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan

Pengedar (Collector–Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima (5) pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

Garis Masa dan Status Pelaksanaan:

- (i) Makmal Kajian Nilai (*Value Assessment*): 24 – 28 Februari 2025
- (ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025
- (iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025
- (iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026
- (v) Jangkaan siap projek: Jun 2030

Pelaksanaan projek ini dijangka memberikan impak positif yang besar kepada kelancaran sistem pengangkutan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Dengan pembinaan MEL dan CDL, aliran trafik secara terus dapat dipisahkan daripada trafik tempatan, sekali gus mengurangkan kesesakan secara signifikan serta meningkatkan tahap perkhidmatan (*Level of Service*) LOS di kawasan berkenaan.

Selain itu, reka bentuk persimpangan yang lebih efisien akan mengurangkan titik konflik dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Secara keseluruhan, projek ini diyakini akan meningkatkan keberkesanan jaringan jalan raya utama negara, memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan sosial, serta merangsang pelaburan strategik di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

- (a) Terdapat 4 persimpangan jalan negeri yang akan terlibat dalam penyuraian trafik Cadangan Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua. Walau bagaimanapun, skop kerja dan *limit of work* masih dalam perbincangan bersama pihak KKR serta LLM di mana akan dimuktamadkan kelak.

- (b) Kos penaiktarafan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri hanya dapat diputuskan setelah skop kerja dan *limit of work* dimuktamadkan.
- (c) Antara pelan kontingensi pengurusan trafik yang boleh dilaksanakan ketika pelaksanaan projek ini adalah:
 - (i) Penyampaian makluman terkini secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi kepada pengguna jalan mengenai maklumat terkini supaya pengguna jalan dapat membuat perancangan awal perjalanan;
 - (ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;
 - (iii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan; dan
 - (iv) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

14. Nyatakan pencapaian dan kos tanggungan dua laluan bas percuma CAT Bridge.
- (a) Adakah CAT George Town dan BEST Komtar ditanggung sepenuhnya oleh MBPP dan huraikan pencapaiannya?
 - (b) Jelaskan kemajuan cadangan CAT Batu Kawan via Jambatan Kedua.
 - (c) Adakah cadangan CAT Batu Kawan boleh dilaksanakan secara Perkongsian Awam-Swasta?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Perkhidmatan *Congestion Alleviation Transport* (CAT) Bridge ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri dengan jumlah peruntukan sebanyak RM4.38 juta setahun dengan menggunakan 15 buah bas untuk kedua-dua laluan tersebut. Dua (2) laluan CAT Bridge tersebut adalah seperti berikut:
- (i) CT 13 : Laluan Seberang Jaya ke Bayan Lepas (10 bas);
dan
 - (ii) CT 14 : Laluan Bukit Mertajam ke Komtar (5 bas).

Dari segi prestasi pencapaian, perkhidmatan CAT menunjukkan momentum trend pemulihan positif pasca pandemik yang menunjukkan keanjalan dan keperluan berterusan terhadap sistem pengangkutan awam bandar.

Jumlah purata penumpang harian bagi CAT 13 dan CAT 14 adalah 1,242 (sehingga September 2025) berbanding 1,133 orang pada tahun 2024, dengan kenaikan dicatatkan pada kadar 9.6%. Peningkatan positif ini adalah selari dengan peningkatan aktiviti ekonomi, pembukaan sektor pelancongan dan pertumbuhan guna semula pengangkutan awam. Trend ini membuktikan bahawa pelaburan Kerajaan Negeri dalam perkhidmatan bas percuma memberi impak nyata kepada mobiliti rakyat, kesejahteraan bandar serta pengurangan kesesakan lalu lintas.

Kerajaan Negeri akan terus menambah baik kekerapan, kebolehpercayaan serta kemudahan perkhidmatan CAT Bridge demi manfaat pengguna.

(a) Perkhidmatan Bas *Shuttle* Central Area Transit (CAT) George Town ditanggung sepenuhnya oleh MBPP sejak tahun 2009 hingga kini. Pencapaian yang telah dicapai oleh MBPP semasa pelaksanaan perkhidmatan bas CAT GT ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian di atas jalan raya;
- (ii) Menggalakkan orang awam menggunakan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan;
- (iii) Mengurangkan pencemaran alam sekitar iaitu pelepasan karbon dikurangkan;
- (iv) Meningkatkan kualiti hidup dalam kawasan pusat bandar George Town; dan
- (v) Membantu dalam menarik pelancong kerana meliputi lokasi-lokasi tarikan pelancongan.

MBPP juga telah menambah bilangan bas CAT GT daripada 3 buah bas kepada 5 buah bas bermula November 2014 memandangkan permintaan pengguna Bas CAT telah meningkat. Perselangan masa perjalanan telah dikurangkan daripada 20 minit kepada 10 minit. Penambahan bilangan Bas CAT telah meningkatkan jumlah pengguna bas perkhidmatan Bas CAT dan keselesaan penumpang. Kos perkhidmatan Bas CAT GT sebanyak RM1,426,934.88 ditanggung sepenuhnya oleh MBPP setiap tahun.

Pada masa sekarang, lebih kurang 4,700 orang awam menggunakan perkhidmatan Bas CAT setiap hari di mana bancia MBPP menunjukkan bahawa 40% daripada pengguna perkhidmatan Bas *Shuttle* Percuma ini mempunyai kenderaan persendirian.

Perkhidmatan BEST KOMTAR pula ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Negeri dan perkhidmatan ini adalah khusus kepada penjawat awam yang bekerja di KOMTAR. Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan laluan BEST KOMTAR di semua daerah di Pulau Pinang untuk penjawat awam ke KOMTAR yang terletak di Daerah Timur Laut seperti berikut:

- (i) Bertam, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) menggunakan tiga (3) buah bas;
- (ii) Seberang Jaya, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) menggunakan dua (2) buah bas;
- (iii) Jawi, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) menggunakan satu (1) buah bas; dan
- (iv) Balik Pulau dan Bayan Lepas, Daerah Barat Daya menggunakan satu (1) buah bas.

Buat masa ini, seramai 258 orang penjawat awam menggunakan perkhidmatan BEST KOMTAR setiap hari. Pencapaian BEST KOMTAR adalah seperti berikut:

- (i) Membantu penjawat awam dalam mengurangkan beban pengangkutan seharian ke tempat kerja;
 - (ii) Pengurangan penggunaan kenderaan persendirian yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang;
 - (iii) Mengurangkan kesesakan lalu lintas di atas Jambatan Pulau Pinang; dan
 - (iv) Mempromosikan penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan penjawat awam.
- (b) Cadangan CAT Batu Kawan melalui Jambatan Kedua telah dibentangkan oleh wakil Rapid Penang dalam MMK Pengangkutan pada 4 September 2025. Cadangan ini disambut baik dan mesyuarat mencadangkan agar sesi libat urus diadakan bersama wakil industri di Kawasan Batu Kawan Industrial Park (BKIP) untuk memastikan kebolehlaksanaan perkhidmatan bas awam dari Bayan Baru di bahagian Pulau melalui Jambatan Kedua Pulau Pinang ke Batu Kawan di tanah besar.

Cadangan awal adalah untuk menyediakan tiga (3) perjalanan (trips) pada waktu puncak pagi dan tiga (3) perjalanan (trips) pada waktu puncak petang yang bertujuan menyokong mobiliti pekerja merentas jambatan, mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tumpuan terutama di "bottle neck" Batu Kawan.

Susulan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Invest Penang dan Rapid Penang telah menganjurkan sesi libat urus, *Focus Group Discussion* pada 28 Oktober 2025 bagi mendapat maklum balas daripada wakil industri untuk memperhalusi cadangan perkhidmatan tersebut.

Seterusnya, sesi soal selidik akan dijalankan untuk mengetahui kebolehlaksanaan cadangan laluan ini atau cadangan laluan baharu yang lebih komprehensif boleh diteliti.

- (c) Cadangan pelaksanaan secara Perkongsian Awam-Swasta dilihat sebagai langkah strategik untuk mengurangkan kos Kerajaan Negeri dan pada masa yang sama, mendapat komitmen daripada pihak swasta.

Rapid Penang bersama Invest Penang sebelum ini telah menjalankan perbincangan awal dengan beberapa syarikat di kawasan BKIP untuk menaja sebahagian kos perkhidmatan bas bagi kakitangan mereka. Walaupun inisiatif tersebut belum dapat direalisasikan atas faktor tertentu, konsep perkongsian seperti ini kekal relevan dan wajar diteroka semula bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan yang inklusif dan lestari.

Kerajaan Negeri akan terus bekerjasama dengan Prasarana melalui Rapid Penang, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor industri dalam memperkukuhkan jaringan perkhidmatan bas demi manfaat bersama.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

15. Nyatakan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa melalui LTAPP pada 2025 dan perincian mengikut pecahan negara.
- (a) Nyatakan pelancong antarabangsa melalui Terminal Cruise Swettenham Pier dan jumlah cruise yang mendarat.
 - (b) Huraikan kutipan Fi Hotel dan nyatakan kutipan bulanan bagi tahun 2025.
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri boleh mengenakan caj kepada pelancong antarabangsa?

YB WONG HON WAI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Jumlah kedatangan pelancong antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) pada 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Bilangan pelancong antarabangsa melalui Terminal *Cruise Swettenham Pier* adalah seperti di **LAMPIRAN B**. Jumlah kapal persiaran mendarat sehingga Julai 2025 adalah sebanyak 55 buah kapal persiaran.
 - (b) Fi Hotel (dahulunya dikenali sebagai Fi Kerajaan Tempatan) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri sebagai usaha mempertingkatkan sektor pelancongan negeri melalui penganjuran program-program berimpak

tinggi bertaraf antarabangsa. Kutipan Fi Hotel ini dibuat melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dikenakan kepada pengurusan hotel pada kadar RM3.00/bilik/malam bagi hotel 4 dan 5 bintang, dan kadar RM2.00/bilik/malam bagi hotel 3 bintang dan ke bawah.

Kutipan bulanan Fi Hotel bagi tahun 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- (c) Buat masa ini, Cukai Pelancongan RM10.00 satu (1) malam dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di hotel diseluruh negara. Kutipan ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dan sebahagian kutipan dipulangkan semula kepada Kerajaan Negeri.

10 Negara Dengan Ketibaan Tertinggi Pelancong Melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (Jan – Sep 2025)

BIL	NEGARA	BILANGAN KETIBAAN PELANCONG
1	Indonesia	284,364
2	China	161,599
3	Singapura	116,442
4	Taiwan	32,830
5	Thailand	23,491
6	India	18,984
7	Amerika Syarikat	17,569
8	United Kingdom	15,972
9	Australia	15,449
10	Jepun	13,405

*Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Pulau Pinang
(Dikemaskini 10 Oktober 2025)*

10 Negara Dengan Ketibaan Tertinggi Pelancong Melalui Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (Jan – Sep 2025)

BIL	NEGARA	BILANGAN KETIBAAN PELANCONG
1	Singapura	64,662
2	India	12,052
3	United Kingdom	9,333
4	Amerika Syarikat	7,353
5	Indonesia	6,786
6	Jerman	5,864
7	China	4,803
8	Korea Selatan	4,392
9	Filipina	3,917
10	Australia	3,134

Sumber: Jabatan Imigresen Malaysia, Cawangan Pulau Pinang (Dikemaskini 10 Oktober 2025)

LAMPIRAN C**KUTIPAN BULANAN FI HOTEL BAGI TEMPOH JANUARI HINGGA
SEPTEMBER 2025**

BULAN	KUTIPAN (RM)
JANUARI	1,078,398.00
FEBRUARI	956,440.00
MAC	985,649.00
APRIL	783,603.00
MEI	962,615.00
JUN	907,239.00
JULAI	1,216,603.00
OGOS	1,295,145.00
SEPTEMBER	1,013,048.00
JUMLAH	9,198,740.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

16. Huraikan kemajuan Rangka Kerja Pembangunan Belia Strategik 2024 - 2028.
- (a) Perincikan program pembangunan latihan sukan sepanjang tahun 2025.
 - (b) Huraikan Program Tajaan Kerjasama dan nyatakan jumlah tajaan yang diterima.
 - (c) Huraikan persiapan SUKMA 2026 dan bajet yang diperlukan.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) memfokuskan pada dua (2) aspek utama dalam pembangunan belia di Pulau Pinang bagi tahun 2024 hingga 2028 iaitu Pembangunan Kapasiti Belia dan Penggerak Komuniti Belia.

Di bawah aspek Pembangunan Kapasiti Belia adalah merangkumi inisiatif teras seperti berikut:

- (i) Keusahawanan;
- (ii) Sukarelawan Belia Pulau Pinang;
- (iii) E-Sukan;

- (iv) Pemerkasaan Pertubuhan Belia; dan
- (v) Bakat Belia.

Di bawah aspek Penggerak Komuniti Belia adalah merangkumi inisiatif teras seperti berikut:

- (i) Jelajah Belia;
 - (ii) Belia Aspirasi;
 - (iii) Kesedaran Sivik; dan
 - (iv) Pusat Belia.
- (a) Program latihan sukan Negeri yang dikendalikan oleh jurulatih sukan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada ketetapan pelan periodisasi dibahagikan kepada beberapa fasa utama, iaitu fasa persediaan, pertandingan dan transisi. Setiap fasa mempunyai objektif, kandungan latihan dan intensiti tersendiri untuk memastikan atlet mencapai prestasi puncak pada masa yang tepat. Perincian program latihan berdasarkan pelan periodisasi tahunan adalah seperti berikut:
- (i) Fasa persediaan bermula dua (2) hingga empat (4) bulan dan objektif utama adalah membangunkan asas kecergasan umum serta kemahiran asas sukan;
 - (ii) Fasa pra-pertandingan bermula satu (1) hingga dua (2) bulan dan objektif utama meningkatkan prestasi khusus sukan dan simulasi pertandingan;
 - (iii) Fasa pertandingan adalah sepanjang musim pertandingan dan objektif utama mengekalkan prestasi optimum dan mencapai kemuncak prestasi; dan
 - (iv) Fasa transisi di mana tempoh fasa ini adalah dua (2) hingga empat (4) minggu selepas musim pertandingan. Objektif fasa ini adalah untuk

pemulihan fizikal dan mental serta pencegahan kecederaan aktiviti.

- (b) Program Pembiayaan I.M.P.A.C.T. yang ditubuhkan pada tahun 2025 merupakan satu program tajaan dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama pihak swasta serta penaja lain, yang berpotensi menjana lebih banyak sumbangan bagi kebajikan atlet.

Sehingga September 2025, program ini telah berjaya mendapat tajaan wang tunai sejumlah RM28,030.00 dan tajaan dalam bentuk perkhidmatan dan barangan sejumlah RM125,000.00 dengan jumlah besar RM153,030.00.

- (c) Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah memulakan persiapan bagi menghadapi Sukan SUKMA 2026 selepas tamat Sukan SUKMA 2024 di Sarawak. Sasaran yang diletakkan kini adalah bagi meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diraih pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.

Secara keseluruhannya, sejumlah RM8 juta ringgit diperlukan bagi menyiapsediakan keseluruhan pasukan kontinjen negeri dalam tempoh dua (2) tahun membabitkan kesemua tanggungan kos perbelanjaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(V)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB GOH CHOON AIK**

17. Nyatakan jumlah unit rumah kos rendah (RM42,000) dan RMM yang memperolehi CCC pada tahun 2025.
- (a) Huraikan kemajuan RMM Bukit Gedong dan URC Mahsuri.
 - (b) Huraikan RMM Permatang Tinggi.
 - (c) Huraikan status projek sewa beli Taman Murai Jaya.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Berdasarkan rekod yang dikemas kini oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) sehingga bulan Oktober 2025, jumlah rumah kos rendah yang dikenali sebagai Rumah Mutiaraku Jenis A (RMKu A), rumah kos sederhana rendah yang dikenali sebagai RMKu Jenis B (RMKu B) dan rumah kos sederhana yang kini dikenali sebagai RMKu Jenis C (RMKu C) di Pulau Pinang yang telah siap dibina adalah sebanyak 61,171 unit. Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Walau bagaimanapun, tiada unit RMKu A yang direkodkan telah siap dibina dan memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada tahun 2025.
- (a) Projek RMKu Bukit Gedong dan Projek Pembaharuan Semula Bandar (PSB) Mahsuri merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Pelan Induk Perancangan Pembangunan (PIPP) LPNPP melalui *Rolling Plan 1*

Tahun 2021. Status semasa pelaksanaan kedua-dua projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Bagi RMKu Bukit Gedung, proses pelantikan pemaju bagi pelaksanaan projek ini telah selesai. Pihak pemaju sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) termasuk kelulusan Laporan Geoteknikal, Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) dan kelulusan-kelulusan teknikal lain yang berkaitan. Projek ini merupakan projek yang agak kompleks memandangkan lokasi tapak projek adalah berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Kem Angkatan Tentera dan keadaan topografi tapak berbukit (melibatkan cerun kelas 3 dan 4); dan
 - (ii) Bagi Projek PSB Mahsuri pula, ia merupakan projek rintis PSB di Pulau Pinang. Projek ini akan dilaksanakan melalui dua (2) fasa pelaksanaan iaitu Fasa 1 melibatkan pembangunan satu (1) blok unit gantian. Manakala Fasa 2 pula akan melibatkan pembangunan bercampur termasuk unit RMKu. Pelaksanaan pembangunan Fasa 1 telah bermula di tapak yang mana kerja-kerja penanaman cerucuk telah pun dijalankan.
- (b) Projek RMKu Permatang Tinggi juga merupakan projek yang telah diluluskan di bawah PIPP LPNPP melalui *Rolling Plan* 1 Tahun 2021. Proses perolehan bagi pelantikan pemaju telah selesai. Kini, pemaju telah pun berjaya menyelesaikan isu-isu struktur dan binaan tidak sah di atas tapak tersebut. PKM juga telah dikemukakan untuk kelulusan dan secara dasarnya telah diluluskan bersyarat melalui Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Seberang Perai.
- (c) Projek perumahan RMKu A Taman Murai Jaya merupakan projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku Pengurus Projek dan LPNPP selaku Pemilik Projek/Tanah. Projek ini telah mencapai 100% kemajuan kerja pada 31 Disember 2024 dan kini dalam proses untuk mendapatkan CCC.

Projek RMKu Taman Murai Jaya ini akan ditawarkan melalui skim sewa beli (*Rent to Own* - RTO) kepada pemohon yang layak berdasarkan kuota kaum mengikut Daerah Seberang Perai Selatan.

SENARAI PROJEK RMKU A, B DAN C SIAP DAN TERIMA SIJIL LAYAK MENDUDUKI (OC) / SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SEJAK TAHUN 2008

Daerah Timur Laut									
Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
Daerah Timur Laut									
1	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	A	125	Sungai Pinang	Kerajaan Negeri
2	2008	DTL	Taman Serina	Kerajaan Negeri	PN 6556, Lot 38, Sek. 9E Bandar Georgetown	B	145	Sungai Pinang	Kerajaan Negeri
3	2008	DTL	Desa Indah	Tetuan Alshem Dev Sdn. Bhd.	Lot 1243, 1659 & 2115 Mk.3, Jalan Paya Terubong	B	972	Paya Terubong	Swasta
4	2008	DTL	Taman Permai Jaya	Tetuan Taman Seri Setia Sdn. Bhd.	3365, 3366, 3763, 3766, 3768 Sebahagian Lot 381, Mk 18, Jalan Permai, Gelugor	B	127	Batu Uban	Swasta
5	2009	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	192	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
6	2009	DTL	Nipah Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT.692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang	A	180	Tanjong Bungah	Swasta
7	2009	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	B	544	Batu Uban	Kerajaan Negeri
8	2009	DTL	Palm Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut	B	512	Tanjong Bungah	Swasta
9	2009	DTL	Taman Sri Aman C1	Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	354	Batu Uban	Swasta
10	2009	DTL	Bukit Bl	Tetuan Reka Indah Dev Sdn. Bhd.	Lot 1555, 1556, & 1557 Sek. 5, Lebuhraya Thean Teik, DTL	B	295	Pulau Tikus	Swasta
11	2009	DTL	Puncak Erskine	Tetuan Prime View Sdn. Bhd.	Lot 135 & 3562 Mk.18 GM 167 201 Daerah Timur Laut	B	1,038	Kebun Bunga	Swasta
12	2009	DTL	Pinang Court	Tetuan Jelutong Dev Sdn. Bhd.	Plot C2-3, Lebu Sungai Pinang 1, Bandar Georgetown	B	389	Sungai Pinang	Swasta
13	2010	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown, DTL	A	238	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
14	2010	DTL	Taman Seri Tanjung	Tetuan Palmex Industries Sdn. Bhd.	Lot 3175, Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Daerah Timur Laut	A	40	Tanjong Bungah	Swasta
15	2010	DTL	Taman Sinar Pelangi	Tetuan Genuine Galaxy Sdn. Bhd.	Lot 432, Seksyen 1, Bandar Jelutong, DTL	B	287	Batu Lancang	Swasta
16	2010	DTL	Taman Sri Aman C2	Tetuan Chong Company Sdn. Bhd.	Lot 8774, 8775, 8786, 10214 & Sebahagian Lot 353, Mukim 13 D.T.L	B	347	Batu Uban	Swasta
17	2010	DTL	Taman Sri Saujana	Tetuan PLB Wonder Bay Dev. Sdn. Bhd.	Lot PT.296, Sek. 11E, Bandar Georgetown	B	466	Pengkalan Kota	Kerajaan Negeri
18	2012	DTL	Halaman Kenanga	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	A	204	Batu Uban	Kerajaan Negeri
19	2012	DTL	Halaman Kenanga	Tetuan PDC Properties Sdn. Bhd.	Lot 2916, Lengkok Nipah 3, MK 13, DTL	B	510	Batu Uban	Kerajaan Negeri
20	2012	DTL	The Pulse	Tetuan Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd.	Lot PT.59, No. H.S (D) 15868, Gelugor, Daerah Timur Laut	B	249	Batu Uban	Swasta
21	2012	DTL	Taman Pelangi Indah	Tetuan Ujung Pelangi Sdn. Bhd.	Lot 962 & 963 (Lot Lama 314) Lorong Perak Seksyen 1, Bandar Jelutong	B	354	Datok Keramat	Swasta
22	2012	DTL	Palm Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT. 692 & 693, Mukim Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut	B	486	Tanjong Bungah	Swasta
23	2014	DTL	Shineville	Tetuan Zantalite Enterprise Sdn. Bhd.	Lot 54, Seksyen 5, Bandar Georgetown, Lebuhraya Thein Teik,	B	234	Seri Delima	Swasta

24	2014	DTL	Taman Bukit Erskine	Tetuan Ivory Villas Sdn. Bhd.	Lot 141, Mukim 18, Lebuhraya Halia	B	554	Kebun Bunga	Swasta
25	2014	DTL	Halaman Kristal	Tetuan Crystal Prestige Sdn. Bhd.	Lot 2333, Jalan Free School, 11600	B	245	Datok Keramat	Swasta
26	2015	DTL	Centrio Avenue	Tetuan Nuwata Sdn. Bhd.	Lot 7586, 7587 Sebahagian 7588 dan Sebahagian 7585, Mukim 13, Jalan Permai, Jalan Bukit Gambir, DTL	B	780	Batu Uban	Swasta
27	2017	DTL	Selasih Court	Tetuan E&O Property Sdn. Bhd.	PT 692 (Lot Baru 71), Sebahagian Kawasan Tebusguna Bandar Tanjung Pinang (Fasa 1), DTL	B	644	Tanjong Bungah	Swasta
28	2018	DTL	Egarden	Tetuan Visentak Capital Sdn. Bhd.	Di Atas Lot-lot 10156-10158 (Lot Lama 3618), Mukim 18, Mount Erskine, Pulau Pinang	B	142	Kebun Bunga	Swasta
29	2018	DTL	Tri Pinnacle	Tetuan Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt. Erskine, Tg.	B	458	Kebun Bunga	Swasta
30	2018	DTL	Tri Pinnacle	Tetuan Aspen Group	Persiaran Halia 3, di atas Lot PT82 (Lot-lot Lama 3622 & 3624), Lot 3625 & Lot 3626, Mk. 18, Mt. Erskine, Tg.	C	859	Kebun Bunga	Swasta
31	2018	DTL	Taman Gema Intan	Tetuan Gema Intan Sdn. Bhd.	Lot 587, Sek. 1, Bandar Jelutong, Jalan Perak, DTL	B	109	Batu Lancang	Swasta
32	2018	DTL	Taman Skyridge	Tetuan Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	B	184	Kebun Bunga	Swasta
33	2018	DTL	Taman Skyridge	Tetuan Zantalite Sdn. Bhd.	Lot 10167, MKM 18 Mt Erskine, DTL	C	154	Kebun Bunga	Swasta
34	2018	DTL	Iconic Vue	Tetuan Iconic Land	Lot 740, Seksyen 2, Bandar Batu Feringghi	C	232	Tanjong Bungah	Swasta
35	2020	DTL	ISantorini	UDA Holdings SB	Sebahagian Lot 3265 (PT274), Seksyen 1, Bandar Tanjung Tokong, Jalan Seri Tanjung Tokong	C	2155	Tanjong Bungah	Swasta
36	2020	DTL	SP Chelliah	Tetuan Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	B	770	Datok Keramat	Swasta
37	2019	DTL	SP Chelliah	Tetuan Zubicon Sdn. Bhd.	Lot 758 & Lot 1058, Sek 10, Jalan SP Chelliah, Georgetown	C	1323	Datok Keramat	Swasta
38	2017	DTL	Artis 3	Tetuan Dutamas Permai Sdn. Bhd.	Di Atas Sebahagian Lot 516, 524 dan Sebahagian Lot 701, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	B	158	Datok Keramat	Swasta
39	2021	DTL	332, 407 dan 460, Seksyen 1 Batu Feringgi, Batu Feringgi.	Tetuan Orientside Dev. Sdn. Bhd.	Kg Chetty, Batu Feringghi, Daerah Timur Laut	B	464	Tanjong Bungah	Swasta
40	2021	DTL	The Stone	Tetuan PLB Land Sdn. Bhd.	Di Atas Lot 9819, Tingkat Paya Terubong 5, Mk. 13	C	1,000	Paya Terubong	Swasta
41	2017	DTL	Granito	Tetuan Taman Sri Bunga (BSG)	Sebahagian Lot 4510, Mk. 18, Tanjung Bungah, Lorong Lembah Permai 3	C	980	Kebun Bunga	Swasta
42	2018	DTL	The Zen	Tetuan Asia Green Construction	Di Persiaran Bayan Indah, Di Atas Lot-Lot PT3984, PT4011 dan PT4012, Bayan Mutiara, Mukim 13	C	1,200	Pantai Jerejak	Swasta
43	2019	DTL	The Dew	Tetuan PLB Sdn Bhd		C	281	Paya Terubong	Swasta
44	2020	DTL	Ideal Residensi (1)	Tetuan Ideal Capital Venture Sdn.Bhd.	Plot B (Lot Lama 3362), Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir	C	1,312	Seri Delima	Swasta
						Jumlah DTL	22,292		

Daerah Barat Daya

Bil.	Tahun	Daerah	Projek	Pemaju	Lokasi	Jenis RMKU	Bil. Unit	Kadun	
1	2008	DBD	Saujana Permai	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad	Lot 8012, Mk 12, Jln Sultan Azlan Shah	A	156	Bayan Baru	Swasta
2	2010	DBD	Pangsapuri Bayan Indah	Tetuan CP Landmark Sdn. Bhd.	Lot 1964, Mukim 9, Lintang Kampung Mesjid Daerah Barat Daya	A	94	Bayan Baru	Swasta
3	2011	DBD	Taman Freesia	Tetuan Gold Mart Development	Lot 371 & 372, Mk. E, Titi Teras	A	78	Pulau Betong	Swasta
4	2011	DBD	Desa Nipah (Lembaman)	Tetuan Belleview Group	Lot 57, Jalan Sg. Nipah, Balik Pulau, Mk. G, Daerah Barat Daya	A	80	Pulau Betong	Swasta
5	2012	DBD	Idaman Melur	Tetuan Koperasi Tunas Muda Sg Ara	Lot 719, MK 10, DBD	A	280	Bayan Lepas	Swasta

6	2012	DBD	Setia Vista	Tetuan SP Setia Sdn. Bhd.	Di atas Lot 102, 104, 400 & 402, Mk. 5, Daerah Barat Daya, Lebuhr Relau	A	165	Bayan Lepas	Swasta
7	2013	DBD	Kuala Sg Pinang	PERDA	Lot PT.813, HS(D)3, (Petak 1), dan Lot PT241, HS(M)240, Mk. B, Kuala Sg. Pinang	A	216	Pulau Betong	Kerajaan Persekutuan
8	2013	DBD	Taman I Park	Tetuan Ideal Property Development	Lot 8009 & 8013, Mk. 12	A	642	Pulau Betong	Swasta
9	2014	DBD	Setia Vista	Tetuan SP Setia Sdn. Bhd.	Lot 102, 104, 400, 402, MK 5,	A	165	Bayan Lepas	Swasta
10	2014	DBD	Taman Freesia	Tetuan Gold Mart Development	Lot 371 & 372, MK E, Titi Teras	A	78	Pulau Betong	Swasta
